



**PERUTUSAN DATUK BANDAR  
MESYUARAT MAJLIS BIL. 10/2022  
27 OKTOBER 2022 (1 RABI'UL AKHIR 1443H)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, di atas segala limpah kurnia, inayah dan nikmat-Nya yang diberikan kepada kita semua. Selawat dan salam kepada rasul junjungan, Nabi Muhammad SAW, kaum kerabat Baginda, para sahabat Baginda serta kaum muslimin dan muslimat. Terima kasih diucapkan kepada Timbalan Datuk Bandar, Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis yang sentiasa bersama-sama saya dalam memberikan kerjasama dan komitmen kepada Majlis bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Untuk itu, saya menyeru semua warga MBPJ agar dapat mempergiat lagi segala daya dan usaha bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan strategi dan program-program yang telah dirancang. Majlis juga menyahut seruan Kerajaan Negeri Selangor untuk memekarkan kerjasama strategik dengan pemegang taruh (*stakeholders*) Majlis bagi memurnikan iltizam dalam melaksanakan program dan projek untuk kesejahteraan rakyat.

Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan dan ekspektasi penduduk khususnya penduduk Petaling Jaya. Justeru itu, saya berharap agar perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan Majlis adalah yang terbaik dan secara langsung mencerminkan kualiti, ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

2. Sistem pengurusan anti rasuah, *Anti Bribery Management System* (ABMS), ISO 37001/ MS ISO 37001 adalah sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguatkuasa, menilai serta menambahbaik langkah pengurusan anti-rasuah secara berkesan. ABMS juga merupakan satu instrumen yang fleksibel dan dapat disesuaikan dengan risiko rasuah yang mungkin dihadapi oleh organisasi. Standard ini direka untuk membantu organisasi bagi membuktikan kepada pihak berkepentingan (*stakeholders*) bahawa mereka mempunyai amalan dan inisiatif anti-rasuah yang mencukupi untuk dilaksanakan dengan sebaiknya.

Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Negeri Selangor bilangan 3 tahun 2022 pada 22 Julai 2022 yang lalu mempersetujui agar pensijilan ABMS oleh agensi awam diwajibkan berdasarkan arahan YAB Perdana Menteri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 15 Bil. 1 Tahun 2022 bertarikh 19 Mei 2022.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya bertanggungjawab menyumbang secara proaktif dalam menangani isu rasuah melalui komitmen Majlis ke arah pensijilan ABMS MS ISO 37001. Sifat budaya Majlis dalam mewujudkan budaya integriti, telus, terbuka dan patuh lebih mudah

dengan kerjasama ketua-ketua Jabatan dan Unit dalam memastikan kejayaan MBPJ untuk mendapatkan pensijilan ABMS MS ISO 37001. Pelaksanaan ABMS juga merupakan inisiatif PJSSR 2030 di bawah *thematic E-Governance City*.

Pensijilan ABMS MS ISO 37001 dapat membantu MBPJ sebagai Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengelak atau mengurangkan kos, risiko dan kerosakan akibat penglibatan dalam rasuah, di samping mempromosi kepercayaan dan keyakinan dalam tadbir urus dan meningkatkan reputasi perkhidmatan yang baik. Pelaksanaan ABMS membuktikan MBPJ komited terhadap integriti yang tinggi dan juga boleh dipercayai untuk membangun dan bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang lain.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

3. Pandemik COVID-19 dan fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan ketara dari sudut sosial dan ekonomi kepada negara bermula April 2020. Pandemik ini telah memaksa kita mengubah cara hidup dengan amalan norma baharu. Perubahan ini dilihat akan terus kekal walaupun setelah endemik berlalu. Majlis sedar bahawa Majlis perlu mengambil tanggungjawab untuk proaktif dalam menyampaikan maklumat dan perkhidmatan optimum kepada penduduk. Majlis perlu berdepan dengan pelbagai cabaran ekoran perubahan persekitaran dan peningkatan ekspektasi rakyat dan komuniti perniagaan. Penyampaian perkhidmatan yang cekap, berintegriti, berkesan dan mesra pelanggan akan mempercepatkan pemulihan ekonomi dan merancakkan semula kehidupan masyarakat Petaling Jaya yang berdayahuni.

Selaras dengan inisiatif Selangor Bangkit dan seiring dengan program-program yang digerakkan oleh kerajaan negeri, Majlis perlu berperanan sebagai moderator bagi membantu untuk merangsang kembali pembangunan ekonomi Petaling Jaya. Keperluan kepada transformasi, inovasi dan pendigitalan terkini dalam penyampaian perkhidmatan perlu ditekankan dengan matlamat untuk memenuhi keperluan dan objektif bagi menarik semula pelabur-pelabur terutamanya di bidang perdagangan, perkilangan dan perkhidmatan. Antaranya adalah seperti pemberian insentif dan memudahcarakan proses permohonan, program-program ke arah meningkatkan pembangunan ekonomi, kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam supaya mereka tidak terbeban dan terus berdayatahan.

Usaha untuk membantu golongan peniaga-peniaga yang terjejas akan terus dilaksanakan melalui Bajet 2023 melalui pelbagai pemberian insentif. Antara insentif yang telah diberikan oleh Majlis adalah memudahcara proses permohonan lesen perniagaan, membenarkan tuntutan remisi cukai taksiran sekiranya premis tidak dapat digunakan, menyediakan pelbagai platform untuk berniaga melalui program pembangunan usahawan tanpa mengabaikan keselamatan dan kebersihan persekitaran tempat berniaga. Insentif-insentif ini akan sentiasa ditambah baik dengan matlamat untuk meningkatkan semula kelangsungan ekonomi di Petaling Jaya.

Selain itu, kemudahan infrastruktur akan sentiasa diselenggara dengan berkesan dan baik oleh Majlis. Majlis akan memantau dan memastikan pemaju yang melaksanakan projek-projek pembangunan serta kontraktor yang dilantik diserahkan projek dengan terma kontrak yang jelas. Kontraktor pula mestilah berwibawa, berkepercayaan dan mampu melaksanakan kerja-kerja di tapak, tiada isu-isu kelewatan dan ketidaksempurnaan kerja, masalah pembayaran dan sebagainya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

4. Kesejahteraan komuniti dan landskap di dalam taman awam boleh dicapai melalui pengalakkan program dan aktiviti rekreasi serta melalui perancangan rekabentuk taman. Sehingga kini, Petaling Jaya mempunyai enam belas taman awam seluas 372.87 ekar yang terdiri dari pelbagai hierarki taman awam di bawah seliaan Majlis.

Selari dengan nilai semasa dan perubahan gaya hidup, spektrum pengguna taman juga semakin meluas dan inklusif, Majlis telah merancang untuk melaksanakan **Program Rejuvenasi Landskap di taman awam** secara khusus dalam tempoh masa lima tahun berdasarkan kepada pemilihan taman awam di empat zon seperti berikut :

- a) Zon Tengah – Taman Jaya, Seksyen 10 (19.48 ekar)
- b) Zon Utara – Taman@Kota, PJU4 Kota Damansara (19.81 ekar)
- c) Zon Barat – Taman Bandaran Kelana Jaya, SS7 (30 ekar)
- d) Zon Timur – Taman PJS10/24, PJS (6 ekar)

Untuk mencapai hasrat Majlis dalam merealisasikan Program Rejuvenasi Landskap ini, Taman Jaya, Seksyen 10 telah dipilih sebagai projek perintis untuk dilaksanakan pada tahun 2023. Melalui projek ini, ia akan memberikan imej baharu melalui aktiviti dan komponen landskap terhadap karektor taman awam di Petaling Jaya melalui proses transformasi berikut :

- a) **Penjenamaan semula** penggunaan ruang sedia ada kepada rekabentuk yang memberi imej taman yang baharu.
- b) **Pembaharuan elemen dan aktiviti baharu** yang memberikan impak kepada pengunjung dan membentuk sebuah taman yang dinamik.
- c) **Penyusunan semula kemudahan** muzium sedia ada dengan mengambilkira lokasi yang lebih strategik bagi mewujudkan integrasi ruang yang lebih optimum.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

- 5. Majlis Bandaraya Petaling Jaya terus memacu perancangan dan pembangunan masa hadapan bandar raya Petaling Jaya berlandaskan kepada Pelan Strategik PJSSR 2030 yang telah dirangka. Di antara fokus yang dititikberatkan adalah berkaitan aspek kebersihan dan keindahan selari dengan halatuju kelestarian alam sekitar sebagai salah satu usaha untuk mensejahterakan penduduk Petaling Jaya.

Di dalam usaha mengekalkan Petaling Jaya sebagai *Low Carbon City*, Majlis telah melancarkan program *PJ Watch* pada 20 Oktober 2022 yang lalu bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada penduduk Petaling Jaya serta pemegang taruh bahawa menjaga kebersihan bandar raya adalah tanggungjawab kolektif. Inisiatif ini berteraskan serampang dua mata iaitu dengan memberikan pendidikan berkaitan kepentingan menjaga kebersihan serta menguatkuasakan undang-undang ke atas individu yang membuang sampah di merata tempat.

Di samping itu, sebagai usaha mendidik masyarakat, publisiti secara meluas berkaitan program ini akan dibuat melalui pelbagai platform media sosial rasmi, papan iklan elektronik serta edaran *flyers* kepada premis dan orang awam selama satu bulan daripada tarikh pelancaran.

Selain itu, teguran dan nasihat akan diberikan kepada individu yang melakukan kesalahan tanpa tindakan kompaun. Namun, bermula 19 November 2022, Majlis akan terus melaksanakan tindakan penguatkuasaan termasuk intipan, pemantauan melalui CCTV, kompaun dan pendakwaan selari dengan tema '**ANDA DIPERHATIKAN**' ke atas *stake holders* yang masih gagal mematuhi undang-undang.

Majlis berharap agar *stake holders* di Petaling Jaya sentiasa menitikberatkan aspek kebersihan dan keindahan bandar raya pada masa hadapan. Bagi mencapai hasrat ini, masyarakat perlu berpegang teguh kepada sikap bertanggungjawab serta *sense of belonging* dalam memastikan kawasan persekitaran sentiasa bersih.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

6. Bersempena dengan **Kempen Baharui Lesen Perniagaan 2023** yang telah bermula sejak 1 Oktober 2022 dan akan berakhir pada 31 Disember 2022, kepada semua 30,324 pemegang lesen tred perniagaan dan usahawan mikro boleh membuat pembaharuan lesen perniagaan secara dalam talian di pautan [elesen.mbpj.gov.my](https://elesen.mbpj.gov.my) dan kaunter-kaunter Majlis seperti kaunter ibu pejabat menara MBPJ dan Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara di Kota Damansara.

Untuk makluman semua, sehingga bulan Oktober 2022, sebanyak 1,855 lesen perniagaan telah diperbaharui dengan jumlah kutipan hasil lesen sebanyak RM 1,120,550.00. Tambahan lagi, Majlis akan menyediakan sebanyak 21 lokasi kaunter bergerak yang akan dibuka bermula pada November 2022 di sekitar Petaling Jaya bagi memudahkan urusan pembaharuan lesen tahun 2023.

Mulai Disember 2022, Majlis akan melancarkan platform cetakan lesen di kios-kios pembayaran yang terletak di Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Menara Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara di Kota Damansara. Pemegang lesen boleh mencetak lesen sendiri di kios-kios setelah pembayaran lesen dijelaskan. Inisiatif ini secara tidak langsung membawa satu saluran yang baru bagi perkhidmatan Majlis yang memudahkan pemegang lesen yang tidak mempunyai kemudahan secara dalam talian (online).

Sukacita ingin dimaklumkan juga bahawa, kaedah pembayaran lesen secara atas talian pada tahun 2021 adalah tertinggi berbanding kaedah hadir ke kaunter dan ke kios dengan jumlah sebanyak 9,342 pemegang lesen. Selain daripada itu juga, Majlis memohon kepada semua pemegang lesen agar dapat memperbaharui lesen perniagaan sebelum atau pada 31 Disember 2022 bagi mengelakkan caj denda lewat yang akan dikenakan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

7. Negeri Selangor mencatatkan bilangan kes demam denggi tertinggi dengan 748 kes pada minggu epid ke-39 iaitu dari 25 September hingga 1 Oktober 2022. Antara faktor peningkatan kes adalah perubahan fasa peralihan Monsun Timur Laut dari awal Oktober hingga awal November yang menyebabkan peningkatan taburan hujan dan angin kencang.

Atas asas ini, masyarakat perlu peka dan cakna tentang kebersihan di persekitaran tempat kediaman mereka. Sebagai contoh, bekas-bekas yang berpotensi sebagai tempat pembiakan nyamuk perlu dihapuskan. Menyahut seruan tersebut, satu operasi pembersihan bersepadu telah dijalankan di Apartment Pelangi Damansara Blok A, B dan C yang



merupakan antara kawasan wabak denggi. Operasi yang melibatkan hampir 100 orang anggota dari beberapa jabatan dalaman Majlis bersama sukarelawan lebih memfokuskan kawasan kebun di bawah rentis TNB dan sekitar blok. Sebanyak 1.24 tan sampah telah dikeluarkan hasil operasi tersebut.

Selain melakukan pembersihan tersebut, Majlis turut membuat semburan BTI (*Bacillus Thuringiensis Israelensis*) menggunakan mesin semburan *mistblower* di kawasan tersebut sebagai salah satu usaha pembasmian pembiakan nyamuk Aedes.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

8. Pemansuhan had operasi bagi premis perniagaan selaras fasa peralihan Endemik bermula 1 April 2022 merupakan *exit policy* bagi membolehkan rakyat Malaysia kembali kepada kehidupan normal selepas 2 tahun berdepan dengan COVID-19. Ekoran dari perkembangan itu, operasi pemeriksaan kebersihan premis makanan giat dilakukan dengan sebanyak 728 premis telah diperiksa.

Hasil pemeriksaan tersebut merangkumi restoran dan pegerai-pegerai kecil. Berdasarkan operasi yang dijalankan, Majlis telah menutup sebanyak 25 premis makanan kerana tidak mengamalkan sanitasi yang bersih dan sebanyak 207 kompaun telah dikeluarkan.

**Sekian, terima kasih.**